




UPM-ALNAIR Tingkat Kerjasama Penyelidikan Komunikasi Optik



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh(kiri) bersalaman dengan Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif Alnair, Dr. Sze Y Set(kanan).

SERDANG, 25 Jun – Makmal Fotonik di bawah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Rangkaian Wayarles dan Fotonik (WiPNet), Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM) meningkatkan kerjasama dengan Alnair Labs Corporation (Alnair) dalam bidang penyelidikan komunikasi optik.

Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi Fakulti Kejuruteraan, Dr. Ahmad Shukri Mohammad Noor berkata kerjasama melalui memorandum persefahaman (MoU) itu melibatkan penyelidikan dalam bidang pembuatan (fabrication) fiber bragg grating (FBG) yang digunakan dalam Makmal Fotonik UPM.

“Mesin pembuatan itu akan diletakkan dalam Makmal Fotonik UPM di bawah Wireless and Photonic Network (WiPNet) yang mempunyai 10 penyelidik dengan enam daripadanya adalah penyelidik utama bidang fotonik,” katanya.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh dan Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif Alnair, Dr. Sze Y Set menandatangani persefahaman itu.



Dr. Sze yang melawat Makmal Fotonik UPM pada Mac lalu berpuas hati dengan kelengkapan makmal serta menyatakan kesudian pihaknya menerima pelajar serta staf UPM ke Alnair Laboratories di Jepun bagi menjalankan latihan praktikal.

Kerjasama antara UPM dan Alnair bermula pada 2004 membabitkan ahli lembaga pengarah syarikat Alnair, Professor Dr. Kikuchi dari University of Tokyo sebagai pemeriksa luar di

Jabatan Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi (KKK), Fakulti Kejuruteraan, UPM.

Pembabitannya dalam sistem komunikasi optik menyaksikan hubungan dua hala yang berterusan antara UPM-Alnair walaupun tempoh tugas beliau sebagai pemeriksa luar KKK telah tamat.

Alnair yang ditubuhkan pada 2001 merupakan syarikat pembekal dan penyelidikan berasaskan teknologi-nano bagi perkembangan sistem optik yang mempunyai modal berjumlah 413 juta yen (tahun 2008).

Alnair mempunyai reputasi antarabangsa dan lebih daripada 20 produknya berkaitan dengan sistem komunikasi optik di pasaran seperti 40Gb/s BERT tester dan ultra compact femtosecond fiber laser merupakan teknologi terkini dalam bidang optik.

Alnair (Malaysia) Sdn. Bhd. berpangkalan di Pulau Pinang merupakan pejabat urusan syarikat Alnair bagi memasarkan produk mereka di sini.

Alnair sedang memperluaskan peluang bekerjasama dalam bidang penyelidikan fotonik di luar Jepun dan di Malaysia, UPM mempunyai makmal fotonik serba lengkap dan termaju dalam bidang penyelidikan optik yang diketuai oleh Profesor Dr. Mohd Adzir Mahdi.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Mohd Faisal Md Noor, 03-89466013, Fotografi Ahmad Fua'ad Alwi, 03-89466199).

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia